



# **PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**

## **KOLEJ PROFESIONAL MARA**



### **Unit Pengambilan Pelajar (UPIM)**

**Bahagian Pendidikan Tinggi MARA  
Tingkat 12, Ibu Pejabat MARA  
21, Jalan Mara  
50609 Kuala Lumpur**

**03-26132000**

**Sambungan : 34075, 34076, 34077, 34081, 34087**

## SELAMAT DATANG



Assalamualaikum warahmatullah,

Alhamdulillah, terlebih dahulu diucapkan selamat datang kepada para pelajar baharu ke Kolej Profesional MARA (KPM). Pihak Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) mengucapkan syabas kepada semua pelajar kerana telah mendapat tawaran bagi mengikuti pengajian di KPM dan sekali gus menjadi pelajar MARA.

Sebagai pelajar MARA, kita beriltizam kepada kecemerlangan dalam pendidikan menjadi individu pemikir yang berilmu, kreatif, berdisiplin dan dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan di samping boleh berkhidmat kepada masyarakat dan negara menerusi penyelidikan dan khidmat kemasyarakatan. Hasrat ini akan lebih terlaksana dengan adanya semangat daya saing dalam menimba ilmu dalam kalangan para pelajar.

Sebagai pelajar di KPM, anda dianggap lebih dewasa serta bertanggungjawab dan gunalah peluang ini sepenuhnya dalam usaha membina dan membentuk sahsiah diri. Justeru itu, wajarlah bagi pelajar sekalian menyusun langkah, mengatur strategi dan melestarikan tekad bagi mendakap mercu kecemerlangan. Semoga pendidikan formal dan tidak formal yang diperolehi akan menjadikan anda insan yang lebih cemerlang serta dapat menyumbang ke arah kemajuan agama, bangsa dan negara.

Sekian, selamat maju jaya.

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Tinggi MARA

# PENERANGAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR BAHARU KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

**PERHATIAN:** [SILA BACA PENERANGAN DALAM BUKU INI DENGAN TELITI]

## 1. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

- 1.1 Pelajar mesti mempunyai kelayakan akademik SPM yang telah disyaratkan untuk mengikuti program yang ditawarkan.
- 1.2 **MARA berhak menarik balik tawaran ini.** jika pelajar tidak memenuhi syarat kelayakan akademik atau lain-lain syarat yang telah ditetapkan.

## 2. KESIHATAN

- 2.1 Pelajar mesti sihat dan lulus pemeriksaan kesihatan sebelum mengikuti pengajian.
- 2.2 Pemeriksaan kesihatan hendaklah dibuat di Hospital Besar, Klinik Kerajaan atau Klinik Swasta. Segala urusan pembayaran pemeriksaan kesihatan adalah menjadi tanggungjawab pelajar sendiri.
- 2.3 **MARA berhak menarik balik tawaran ini.** jika kesihatan pelajar boleh menjejaskan pembelajaran di KPM.

## 3. PERSIAPAN KE KPM – (BACA DENGAN TELITI)

- 3.1 Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut untuk dilengkapkan bagi persiapan pelajar mendaftar di KPM. **Sila baca Panduan Mengisi Dokumen Perjanjian dengan teliti.**
  - i. Buku Pendaftaran Pelajar (*Registration Booklet*) – 1 Set
  - ii. Dokumen Perjanjian – 3 Set
- 3.2 Pelajar dikehendaki membawa **dokumen Asal dan satu Salinan Fotokopi yang telah \*disahkan\*** bagi semua dokumen yang diperlukan semasa melaporkan diri di kolej. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti berikut:
  - i. Sijil SPM
  - ii. Sijil Kelahiran Pelajar yang **dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara**
  - iii. Sijil Kelahiran Ibubapa/penjaga **yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara**

**\*\* PERINGATAN \*\***

[ Pelajar **TIDAK** akan dibenarkan mendaftar jika tiada **DOKUMEN ASAL DAN SALINAN FOTOKOPI YANG TELAH \*DISAHKAN (Ketua Kampung / Penghulu / Wakil Rakyat / Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan & Professional) ]**

#### 4. PERATURAN BERPAKAIAN

4.1 Pemakaian ke kuliah/kelas atau majlis formal adalah seperti berikut:

Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kemeja lengan panjang/pendek.</li><li>• Baju bercorak bunga-bunga dan warna garang tidak dibenarkan.</li><li>• Bertali Leher.</li><li>• Mesti kemas dan bersih.</li><li>• Seluar panjang 'Jeans' tidak dibenarkan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Baju Kurung dan Kebarung sahaja.</li><li>• Tidak jarang.</li><li>• Tidak melekat atau '<i>body-hugging</i>'.</li><li>• Tiada belahan.</li><li>• Mesti kemas dan bersih.</li><li>• Tudung kepala (corak bebas).</li><li>• Purdah tidak dibenarkan sama sekali.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut kulit / PVC.</li><li>• Kasut kanvas, sandal dan selipar tidak dibenarkan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kasut kulit / PVC.</li><li>• Tumit kasut tidak melebihi 4 sm.</li><li>• Kasut kanvas, sandal dan selipar tidak dibenarkan.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Stokin.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Stokin.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Bersolek tidak dibenarkan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bersolek tidak dibenarkan.</li></ul>

4.2 Pemakaian bagi aktiviti luar bilik kuliah atau aktiviti luar yang tidak rasmi (pakaian *outing*) adalah seperti berikut:

Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar lelaki hendaklah berpakaian kemas dan berkasut (sandal atau selipar tidak dibenarkan) semasa <i>outing</i>.</li><li>• Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelajar perempuan dibenarkan memakai baju kurung/kebarung sahaja dan berkasut (sandal dan selipar tidak dibenarkan) untuk keluar ke bandar (<i>outing</i>).</li><li>• Seluar jeans tidak dibenarkan sama sekali.</li></ul>

4.3 Pakaian disediakan oleh pelajar dan pembiayaan tidak ditanggung oleh MARA.

4.4 Selipar hanya dibenarkan di surau dan asrama sahaja.

4.5 Pelajar lelaki tidak dibenarkan memakai aksesori-aksesori seperti rantai, gelang tangan dan subang.

4.6 Pelajar-pelajar lelaki tidak dibenarkan berambut panjang hingga menutup telinga, mencecah kolar kemeja atau mencecah kening. Ianya hendaklah kemas dan rapi.

#### 5. PAKAIAN RIADAH SEMASA SESI ORIENTASI

Pelajar dikehendaki membawa pakaian sukan seperti berikut:

- i. 2 pasang baju-T berkolar tanpa corak (berlengan panjang untuk perempuan);
- ii. 2 pasang seluar trek (warna gelap); dan
- iii. 1 pasang kasut sukan.

## 6. ELAUN SARA HIDUP

Pelajar yang memenuhi syarat untuk mengikuti Program Persediaan Bahasa Inggeris (IEP) yang ditetapkan oleh MARA akan menerima bantuan dalam bentuk elaun sebanyak RM 250.00 /sebulan.

**Elaun ini akan diberikan setelah pelajar tamat program dan mendaftar ke Program Diploma Kolej Profesional MARA pada sesi Oktober 2019 / Januari 2020**

## 7. PENGINAPAN DI ASRAMA

Asrama disediakan bagi semua pelajar tahun satu sahaja. Pelajar-pelajar tahun dua (Semester tiga dan seterusnya) akan diberikan kemudahan penginapan bergantung kepada kekosongan tempat dan syarat-syarat lain yang telah ditetapkan oleh kolej tersebut. Kemudahan yang disediakan di asrama adalah seperti berikut:

- i. Katil;
- ii. Tilam; dan
- iii. Almari.

Pelajar boleh membeli makanan di kantin/*Food court* yang di sediakan oleh kolej.

## 8. YURAN PENGAJIAN DAN LAIN – LAIN BAYARAN (SILA RUJUK LAMPIRAN A)

Program	Bayaran Pendaftaran /Pengesahan Penerimaan Tawaran. [ (A) + (B) ]	Koperasi	Badan Muafakat	Jumlah Yuran dibayar
IEP	RM 150.00	-TIADA-	-TIADA-	RM 150.00

8.1 *Yuran pengajian* dikecualikan sepanjang tempoh pengajian bagi semua pelajar.

8.2 Pelajar perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran dengan membuat bayaran bagi ***Bayaran Pendaftaran RM150.00/- [ (A) + (B) ]*** secara ; (i) atas talian (online) menerusi perkhidmatan bayaran elektronik MARAeps di laman sesawang <https://bayar.maraeps.my> atau melalui Mobile Apps MARAeps, (ii) Pembayaran di kaunter bayaran Pejabat MARA Negeri/Daerah dengan menggunakan menggunakan No.Akaun: **(001-118-PPP-72204)** dan **sila bawa Slip Asal dan satu salinan fotokopi Resit Bayaran** semasa hari pendaftaran sebagai bukti bayaran telah dilakukan.

### **PERHATIAN:**

1. Yuran di atas adalah merupakan ***Yuran umum*** bagi setiap pelajar, namun ada juga yuran yang akan dikenakan mengikut perkhidmatan yang disediakan oleh kolej berkenaan. (seperti: Dobi, Baju Korporat, kunci bilik asrama dan lain-lain)
2. Pelajar diingatkan juga bahawa slip pembayaran bank perlu **dibuat satu salinan fotokopi sebagai bukti bayaran** telah dibuat untuk simpanan dan **salinan asal hendaklah diserahkan kepada pihak kolej.**

## 9. BUKU TEKS

Pelajar disarankan untuk menyediakan wang tunai untuk buku teks. Ini bergantung kepada program/kursus yang diikuti oleh pelajar. Dianggarkan RM600/- bagi pelajar Diploma dan RM250/- bagi pelajar persediaan (IEP).

## 10. RAWATAN PERUBATAN DAN PERLINDUNGAN INSURAN

- 10.1 Pelajar bertanggungjawab atas semua perbelanjaan perubatan dan kesihatan sepanjang tempoh pengajian. Pelajar dinasihatkan supaya mendapatkan rawatan di Hospital/Klinik Kerajaan sekiranya sakit.
- 10.2 Pelajar diwajibkan mengambil perlindungan insuran berkelompok yang akan diuruskan oleh pihak kolej.

## 11. AKAUN SIMPANAN

Semua pelajar dikehendaki membuka akaun simpanan seperti berikut:

- i. Pelajar KPM Bandar Penawar : **Bank Islam sahaja.**
- ii. Lain-lain KPM : **Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) sahaja.**
- iii. Pelajar lepasan program IEP yang meneruskan pengajian ke peringkat diploma, **tidak perlu membuka akaun simpanan baru.**

## 12. PERATURAN DAN TATATERTIB

Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh KPM (Akademik, Disiplin dan Ko-kurikulum). Pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh MARA dari semasa ke semasa sepanjang tempoh pengajian.

## 13. PEKERJAAN

- 13.1 Pelajar **TIDAK** dibenarkan bekerja sepanjang tempoh pengajian sama ada secara sepenuh masa atau sambilan.
- 13.2 MARA tidak menjamin sebarang pekerjaan kepada pelajar setelah tamat pengajian.

## 14. BERHENTI DARI KPM

Sekiranya pelajar **menarik diri/berhenti/diberhentikan** dari meneruskan pengajian oleh kerana masalah akademik ataupun masalah disiplin, maka semua pembayaran yang telah dijelaskan oleh pelajar, ***tidak akan dikembalikan.*** Disamping itu pelajar juga dikehendaki ***membayar balik semua elaun yang telah diterima dan yang telah dibiayai oleh MARA.*** ***Diingatn juga pelajar yang telah berhenti atau diberhentikan dari mana-mana KPM, tidak akan diterima masuk atau tidak boleh mendaftar semula di mana-mana KPM yang lain dalam tempoh satu tahun dari tarikh ia berhenti.***

## 15. MENGULANGKAJI / MEMINDA SYARAT TAWARAN

**MARA berhak**, pada bila-bila masa mengubah, mengubahsuai atau meluaskan syarat-syarat tawaran ini tanpa menyentuh jaminan penjamin-penjamin dan tanpa melepaskan atau dengan apa-apa jalan menyentuh tanggungan penjamin-penjamin pelajar.

# PERINGATAN

- \*\* PELAJAR DIINGATKAN SEKALI LAGI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI SEMUA KENYATAAN DALAM BUKU PENDAFTARAN INI SEBELUM MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENDAFTAR DI MANA-MANA KPM YANG DITETAPKAN.**
- \*\* BAYARAN SELAIN DARI YANG TERCATAT DI MUKASURAT 5, HENDAKLAH DIBAYAR PADA PIHAK KOLEJ PADA HARI PENDAFTARAN.**
- \*\* SILA LAYARI LAMAN SESAWANG KOLEJ SEMINGGU SEBELUM PENDAFTARAN MENGENAI URUSAN PENDAFTARAN DAN PEMBAYARAN YURAN YANG DINYATAKAN.**

KOLEJ	LAMAN SESAWANG
KPM AYER MOLEK	<a href="http://www.kpmam.edu.my">http://www.kpmam.edu.my</a>
KPM BANDAR MELAKA	<a href="http://www.kpmbm.edu.my">http://www.kpmbm.edu.my</a>
KPM BANDAR PENAWAR	<a href="http://www.kpmbp.edu.my">http://www.kpmbp.edu.my</a>
KPM BERANANG	<a href="http://www.kpmb.edu.my">http://www.kpmb.edu.my</a>
KPM INDERA MAHKOTA	<a href="http://www.kpmim.edu.my">http://www.kpmim.edu.my</a>
KPM SERI ISKANDAR	<a href="http://www.kpmsi.edu.my">http://www.kpmsi.edu.my</a>

**YURAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU PROGRAM PERSEDIAAN IEP YANG MENDAFTAR PADA  
SESI JULAI / OKTOBER 2018**

<b>A. YURAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KPM</b>		
<b>PERKALAAAN</b>	<b>JENIS YURAN</b>	<b>(RM)</b>
Yuran dibayar untuk Minggu Haluan Siswa dan perkara yang berkaitan.  Dibayar sebagai menerima tawaran pengajian dan dibayar kepada mana-mana pejabat MARA.  (Dibayar sekali dalam tempoh pengajian).	a) Makan pelajar ( tidak disediakan )	<b>-Tiada-</b>
	b) Pengurusan dan cenderahati Minggu Orientasi: Beg/Folder, T-Shirt, Alatulis dan Buku Catatan	20.00
	c) Tag Nama, Kad Asrama dan Kad Perpustakaan	20.00
	d) Pemeriksaan Kesihatan Dan Dadah	10.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>50.00</b>

<b>B. YURAN PENGAJIAN BAGI PELAJAR BAHARU KPM</b>		
<b>PERKALAAAN</b>	<b>JENIS YURAN</b>	<b>(RM)</b>
Yuran yang dibayar oleh setiap Pelajar Baharu dan Pelajar Sediada perlu dibayar hanya sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian di mana-mana pejabat MARA Negeri atau Daerah.	a) ASK	25.00
	b) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	20.00
	c) Peperiksaan	15.00
	d) Komputer dan Internet	5.00
	e) Insuran Kelompok	5.00
	f) Program Pelajar	20.00
	g) Kebajikan Pelajar	10.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>100.00</b>
<b>JUMLAH BAYARAN ( A + B )</b>	<b>150.00</b>	

**\* Wang Kebajikan Pelajar adalah untuk:**

1. Digunakan untuk membantu pelajar-pelajar yang kurang mampu dari segi kewangan (yang berpatutan) sebagai Amal Jariah.
2. Digunakan untuk membeli peralatan kemudahan dan keselesaan pelajar.